

KALENDAR BULAN BAHASA 2004

Tarikh	Kegiatan	Tempat	Masuk	Masa	Penganjur	Tel
2/7	Majlis Pelancaran	Edutorium	Jemputan	4.30 ptg	Sekretariat BB2004	68379699
3/7	Persembahan Drama, Peraduan Berbalas Pantun, Deklamasi Sajak dan Kuiz	MAEC Buona Vista	Jemputan	3.00 ptg	MAEC Buona Vista	91545123
3/7	Ceramah Apresiasi Syair dan Peraduan Membaca Syair	Eunos CC	Percuma	2.00 ptg	MAEC Eunos	68456728 91784114
3/7 & 4/7	Kembara Ilmu - Pesta Buku, Peraduan, Bengkel, Ceramah dan Persembahan Budaya	National Youth Park	Percuma	11.00 pagi	NUS	98426110
10/7	Bahas 4 PM (Peringkat Akhir)	Studio Mediacorp	Jemputan	8.00 mlm	4PM	96980221 62426288
10/7	Ceramah - Keterampilan Bahasa - Hj Mansor Sukaimi	Kaki Bukit CC	Percuma	2.30 ptg	MAEC Kaki Bukit	64454223
10/7	Ceramah Bahasa - Bahasa Rojak, Pilihan Pengguna, Dilema Bahasawan - Apakah Penyelesaian - Lim Swee Tin	York Hotel	Tiket	1. 30 ptg	PGBM	98299542 63441561
10/7	Pelayaran Seni - Persembahan Teater, Pantun, Syair, Tarian Melayu, Dikir Barat dan Deklamasi Sajak	Bukit Timah CC	Percuma	8.00 mlm	MAEC Bukit Timah	96469160
10/7	Kembara Pantai Timur - Aktiviti bahasa dan Sesi Puisi di Pantai	Pantai East Coast	Percuma	9.00 pagi	Asas 50	90074107
10/7 & 11/7	Sembang Tari - Persembahan, Ceramah dan Bengkel Tarian Serampang 12	Taman Warisan Melayu	Tiket	8.00 mlm	Sri Warisan	62256070
11/7	Nilai Bahasa - Pementasan Nilai, Persembahan Gurindam, Lagu dan Tarian Melayu	Bishan CC	Tiket	7.45 mlm	MAEC Bishan	97984161
18/7	Peraduan Pidato	Henderson CC	Percuma	8.00 pagi	MAEC Henderson	93888088 65416539
18/7	Pesta Pantun Ria - Sesi Berbalas Pantun, Persembahan Nyanyian Berirama Puisi, Dondang Sayang dan Ghazal	Yuhua CC	Percuma	2.00 ptg	Jwk Bersama Zon Barat	91791242

KALENDAR BULAN BAHASA 2004

Tarikh	Kegiatan	Tempat	Masuk	Masa	Penganjur	Tel
18/7	Peraduan Bercerita	Changi-Simei CC	Percuma	2.00 ptg	MAEC Changi Simei	93840944
24/7	Peraduan Bercerita (Kanak-kanak) dan Deklamasi Sajak (Menengah)	Telok Blangah CC	Percuma	3.00 ptg	MAEC Telok Blangah	96605320
24/7	Kuiz Bahasa dan Budaya - Sekolah Rendah	Tampines West CC	Percuma	10.30 pagi	MAEC Tampines West	98511359
24/7	Fasih Terjemah 2 - Peraduan menterjemah Spontan dan Persembahan Puisi	Toa Payoh Central CC	Percuma	2.00 ptg	Majlis Pusat	62514458
24/7	Peraduan Bercerita dan Silang Bicara (Akhir)	Edutorium MOE	Jemputan	8.30 pagi	MOE	68796614
24/7	Bicara Ilmiah - Keserasian Bahasa dengan Bahasa Etnik - Prof Dr Ahmad Johari Moin	Perkampungan Melayu Geylang Serai	Tiket	10.00 pagi	NIE	91450053
31/7	Sastera/Kebudayaan/Pameran	Clementi CC	Percuma	2.30 ptg	Jwk Bersama West Coast	97413345 63195666
31/7	Pesta Bahasa dan Budaya - Persembahan Drama Pendek, Bangsawan, Lagu Melayu	Fuchun CC	Percuma	10.00 pagi	Jwk Bersama Woodlands	90664280
31/7	Awallah Dondang: Persembahan Budaya	Auditorium Politeknik Singapura	Tiket	7.45 mlm	Perbayu NIE	90218456

Tarikh	Kegiatan	Tempat	Masuk	Masa	Penganjur	Tel
3, 10, 17, 24/7	Pustaka Ria	Perpustakaan Cawangan	Tiket	2-3 ptg	Choa Chu Kang	67658616
3, 10, 17, 24/7				3-4 ptg	Geylang East	63323255
3, 10, 17, 24/7				2-3 ptg	Jurong West	63323255
3, 10, 24, 31/7				3-4 ptg	Marine Parade	63323255
6, 13, 20, 27/7				3-4 ptg	Cheng San	64884100
9, 16, 23, 30/7				3-4 ptg	Bedok	63323255
3, 10, 17, 24/7				11.30-12.30 ptg	Bukit Batok	67946292
9, 16, 23, 30/7				3-4 ptg	Tampines	67888266

SELINTAS KEGIATAN BULAN BAHASA 2002

Tempoh

5 Julai – 4 Ogos

Tema

Indahnya Bahasaku

Pengerusi

Encik Hawazi Daipi, Setiausaha Parlimen Pendidikan

Objektif

- i menanamkan kesedaran keindahan bahasa Melayu di kalangan anggota masyarakat dan para pelajar
- ii menyebarkan mesej melestarikan bahasa dengan memelihara keindahan dalam pragmatik berbahasa
- iii menyuntik sifat cintakan bahasa ke dalam diri penutur
- iv menonjolkan nilai-nilai positif dalam bahasa Melayu melalui keindahan

Matlamat

- i masyarakat penutur bahasa Melayu sedar akan kewujudan Bulan Bahasa di Singapura
- ii konsep keindahan bahasa difahami
- iii para pelajar mula merealisasikan nilai-nilai murni dalam pragmatik berbahasa Melayu.
- iv masyarakat lebih mengenali bahasa Melayu

Publisiti

5,000 brosur, 10000 pananda buku, 2000 poster, 30 sepanduk, 50 cakera padat lagu Bulan Bahasa dan 1000 naskah majalah Bulan Bahasa 2002.

Penyerantaan

400 sekolah, 67 masjid, 21 perpustakaan, 30 pertubuhan Melayu & balai rakyat.

Sokongan Mediamassa

News TV Mediacorp, Warna Mediacorp Radio, Ria Mediacorp Radio, RSI Mediacorp Radio, Berita Harian & Berita Minggu Singapore Press Holdings.

Penaja

MITA, Singapore Press Holdings, Singapore Pools, MUIS, Lee Foundation, Sheng Song Supermarket, Ramtron Oil Singapore Pte Ltd & Mendaki.

Majlis Pelancaran

5 Julai 2002 di MOE Euditorium jam 5.00 petang. Tetamu Terhormat – Laksamana Pertama (NS) Teo Chee Hean, Menteri Pendidikan. Dihadiri 500 orang.

Majlis Penutup

4 Ogos 2002 di Grand Hyatt Hotel jam 2.30 petang. Tetamu Terhormat – Dr Yaacob Ibrahim, Pemangku Menteri Pembangunan Masyarakat dan Sukan dan Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwal Masyarakat Islam. Dihadiri 200 orang.

Jumlah Pertubuhan & Jenis Kegiatan

33 (14 Persembahan, 11 Peraduan, 4 Ceramah, 2 Pameran & 2 Pelancaran Buku)

24 (10 MAEC, 3 Institusi, 11 Pertubuhan),

Pendokumentasian

50 buah cakera padat yang mengkompilasikan semua gambar kegiatan BB2002 dan 50 buah cakera padat yang merakamkan kegiatan tersebut dalam bentuk persembahan. Cakera padat - cakera padat tersebut diberikan kepada semua pertubuhan yang mengambil bahagian.

Tinjauan Secara Rambang

Setelah sambutan Bulan Bahasa 2002 dijalankan, 72% rakyat sedar akan adanya Bulan Bahasa dan 76% mengatakan perlu Bulan Bahasa diteruskan.

KEGIATAN BULAN BAHASA 2002

Peraduan

1. Peraduan Fasih Terjemah Secara Lisan dan Spontan Untuk Pra U & Menengah 4
2. Peraduan Mengarang dan Membaca Syair
3. Bahas 4PM (Peringkat Akhir)
4. Kuiz Bahasa & Budaya 2002 (Peringkat Akhir)
5. Peraduan Deklamasi Sajak
6. Peraduan Sketsa Peringkat Menengah 1&2
7. Sayembara Deklamasi sajak
8. Sayembara cerpen
9. Peraduan Berpidato
10. Peraduan Menulis Cerpen Berita Harian
11. Peraduan Menulis Ulasan Buku Berita Harian

Ceramah

1. Ceramah Temasik XII
2. Ceramah Lagu-Lagu Puisi
3. Ceramah PGBM
4. Bicara Ilmiah

Pelancaran Buku

1. Pelancaran Buku NIE – 3 orang ahli akademik
2. Pelancaran Buku ASAS '50 – 3 orang Penulis Tempatan

Persembahan

1. Persembahan Gurindam Nan Indah
2. Wisata Sastera Melayu
3. Gema Puisi
4. Persembahan Bangsawan
5. Majlis Persembahan Peraduan Bahasa Melayu
6. Sesi Bercerita
7. Sesi Berlakon
8. Fiesta Bahasa
9. Temasya Bulan Bahasa
10. Malam Budaya dan Bahasa
11. Malam Keindahan Bahasa dan Budaya
12. Tiada Kata Seindah Bahasa
13. Pustaka Ria untuk Kanak-Kanak Pra Sekolah
14. Pengayaan kosakata dan Bahasa Sempurna oleh Pihak Radio Warna Mediacorp
Sepanjang Sambutan Bulan Bahasa 2002

Pameran

1. Pameran Buku di NIE
2. Pameran "Indahnya Bahasaku" di Perpustakaan

PENGANJUR

NIE/NTU	MAEC Bukit Timah
NIE/STP	MAEC Fuchun
MOE	MAEC Clementi
NLB	MAEC Eunos
KGMS	MAEC Tampines West
PGBM	MAEC Joo Chiat
Asas 50	MAEC Zon Barat
4PM	MAEC Bishan
Perkamus	Radio Warna Mediacorp
Sri Warisan	Berita Harian
Majlis Pusat	

PROGRAM DI BERITA TV MEDIACORP

- 5/7 Pelancaran Bulan Bahasa 2002
10/7 Ceramah Temasek (Previu)
13/7 Persembahan Bulan Bahasa
13/7 Ceramah Temasek
16/7 Bahas 4PM (Previu)
19/7 Raptai Malam Keindahan Bahasa & Budaya
20/7 Peraduan Terjemahan
20/7 Gema Puisi
20/7 Ceramah Peribahasa Melayu
21/7 Fiesta Bahasa
25/7 Peraduan Sektsa
27/7 Gurindam Nan Indah
27/7 Bicara Ilmiah
3/8 Pelancaran buku 3 penulis tempatan
4/8 Majlis penutup Bulan Bahasa

PROGRAM DI RADIO SINGAPURA INTERNASIONAL (RSI) MEDIACORP

- 27/6 Program SPEKTRA: Meninjau adakah kos Bulan Bahasa yang tinggi seimbang dengan sambutan yang diterima. Terbitan Faridah Onn
8/7 Program ISU - Meliputi pelancaran Bulan Bahasa dan peri-pentingnya melestarikan bahasa Melayu. Terbitan Roslinda Rahmat
10/7 Program SENI - Menyentuh tema dan acara-acara sepanjang Bulan Bahasa 2002. Terbitan Faridah Onn
17/7 Program SENI - Meliputi Gema Puisi. Terbitan Faridah Onn
31/7 Program SENI - Menyingkap erti di sebalik keindahan bahasa dengan sedutan dari Bicara Ilmiah dan Gurindam. Terbitan Faridah Onn
31/7 Program ISU - Meninjau kelarisan buku-buku akademik, sempena pelancaran empat buku akademik di NIE. Bagaimana cara merubah mindah masyarakat Melayu untuk menerima buku-buku ini ? Terbitan Mariani Yahya

PROGRAM DI RADIO WARNA MEDIACORP

Diari Bulan Bahasa

Disiarkan setiap Isnin hingga Ahad, 2 kali sehari mempromosikan kegiatan sepanjang musim sambutan Bulan Bahasa

Indahnya Bahasa

Disiarkan setiap Isnin hingga Ahad. Interaksi spontan antara juruhebah dengan para pendengar mengenai simpulan bahasa, peribahasa dan seumpamanya.

Apa Kata Anda

Sabtu 13/07/02, 1.35pm hingga 2.45pm. Tetamu di Studio, Encik Yatiman Yusof. Interaksi dalam talian

Lagu Tema Bulan Bahasa

Didendangkan setiap hari, sekurang-kurangnya 2 kali sehari.

Berita

Menyiarkan cebisan ucapan Menteri Pendidikan Singapura, Laksamana Pertama (kerahan) Teo Chee Hean dan Setiausaha Parlimen, Encik Hawazi Daipi.

PROGRAM DI RADIO RIA MEDIACORP

Diari Ria

Mempromosikan kegiatan sepanjang musim sambutan Bulan Bahasa 2002

Kelab Radio Ria

Keluaran khas bagi Sambutan Bulan Bahasa 2002

Kampus Ria

Menyentuh topik mengenai bahasa Melayu sebagai subjek di sekolah. Berkongsi pengalaman dengan para pelajar yang mendapat kepujian dalam bahasa Melayu.

Kafe – The – Ria

Mendedahkan istilah-istilah Melayu yang baru kepada para pendengar. Sekurang-kurangnya dua istilah baru yang relevan kepada para pekerja di pejabat.

Ria Mania

Kuiz bahasa yang menggunakan istilah-istilah baru atau yang jarang digunakan dalam bahasa Melayu kini, termasuk peribahasa dan seumpamanya.

Ria Jamm / Sensasi Ria

Menggalakkan pemberian ucapan atau mengambil bahagian dalam penggunaan bahasa Melayu yang betul.

LIPUTAN BERITA HARIAN (BH) & BERITA MINGGU (BM)

BH	1/8/02	Dua generasi gabung bakat kerana bahasa
BH	1/8/02	Mekar bahasa kerana bangsa
BH	31/8/02	Wisata Sastera Melayu papar erti sastera secara mendalam
BH	31/8/02	Pemenang peraduan menulis cerpen KCR
BH	31/8/02	Buku hurai takrifan ‘Melayu’
BH	30/7/02	Walau cilik, berjiwa besar
BH	27/7/02	Bahasa Melayu kini tercemar
BH	27/7/02	Bangsawan paut hati pelajar terhadap keindahan bahasa
BH	27/7/02	Dua firma bukan Melayu beri sumbangan \$7,000
BH	27/7/02	Kelab Coretan Remaja BH terima 40 penyertaan
BH	24/7/02	50 pelajar ‘jalani ujian’ terjemah bahasa secara spontan
BM	21/7/02	Baru nak bergurindam, mereka dah ‘blur macam sotong’
BH	20/7/02	Diari
BH	19/7/02	Pengaruh asing hasilkan empat jenis bahasa Melayu
BH	19/7/02	‘Gema’ deklamasi 18 penyajak
BH	19/7/02	150 pelajar sertai kuiz bahasa dan budaya
BH	17/7/02	‘Retorik’ untuk bantu tutur bahasa Melayu dengan betul
BH	17/7/02	Jadual kegiatan
BH	17/7/02	Mencari rumusan semarak budaya
BH	13/7/02	Sudahkah tema-tema bulan bahasa yang lalu jaya dicapai?
BH	13/7/02	Diari
BH	13/7/02	Pameran papar perkembangan bahasa
BH	13/7/02	Ceramah bimbing bagaimana hargai puisi, lagu puisi
BH	10/7/02	Yang cantik itu budi, yang indah itu bahasa
BM	07/7/02	Bahasa cerminkan semangat dinamik orang Melayu
BH	06/7/02	Merengung iltizam kita terhadap bahasa ibunda

LAGU TEMA BULAN BAHASA

BAHASA MENJUNJUNG BUDAYA

Mari bangsaku mari saudara
Kita gunakan bahasa bunda
Sebagai lidah penggugah rasa
Cinta bahasa cinta budaya

Demi cinta kepada budaya
Kita penatar bahasa bunda
Bahasa maju budaya jaya
Maruah bangsa terpelihara !

(korus)

Cintailah bahasa Ibunda
Cintailah budaya pusaka
Bahasa yang menjunjung budaya
Budaya nilai maruah bangsa

(Ulangi korus sekali lagi)

Lagu : Abdullah Lamat
Senikata : Muhammad Ariff Ahmad



MENJUNJUNG BUDI

Majlis Bahasa Melayu Singapura dan Jawatankuasa Bulan Bahasa 2004 mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada :

Kementerian Penerangan, Perhubungan dan Kesenian (MITA)
Kementerian Pendidikan
Lembaga Perpustakaan Negara
Institut Pendidikan Nasional (Kampus Townsville)
Singapore Pools Pte Ltd
Singapore Press Holdings
Lee Foundation
Majlis Ugama Islam Singapura
Radio Warna Mediacorp
Radio Ria Mediacorp
News TV Mediacorp & Suria Mediacorp TV
Berita Harian
Berita Minggu
Jawatankuasa Kegiatan Melayu (MAEC)
Badan-Badan Melayu Setempat
Sheng Song Supermarket Pte Ltd
Ramtron Oil Singapore Pte Ltd

- Rencana Khas

KETERAMPILAN BAHASA LAMBANG KEUNGGULAN JATI DIRI

Muhs Ariff Ahmad ²¹

Menyatakan sedikit tentang jati diri orang Melayu Singapura, menerusi ruangan "Menurut Hemat Saya"nya, di Berita Harian 10 Jun 04, Mohd Raman Daud menulis :

"... berbalik kepada Melayu Singapura, anda akan berasa diri anda Melayu tulen selagi yakin dan fasih berbahasa (dan) berbudaya (Melayu) dan beragama Islam. Memang ramai Melayu kini (yang) kahwin campur. Anaknya mungkin bernama Tan Ahmad Saiful... Namun, anak bak kain putih, ibu bapanya yang mencorakkannya. Jadi Tan Ahmad Saiful boleh terus jadi Melayu selagi ada tiga teras penanda jati diri tadi – berbahasa dan berbudaya Melayu serta beragama Islam – hatta mengetahui adab budaya Cina atau fasih bahasa Mandarin."

"Fasih berbahasa" yang dikatakan Raman sebagai satu daripada tiga ciri teras bagi menilai keesahan jati diri seseorang Melayu itu adalah bergantung kepada keterampilan bahasa yang dimiliki dan dikuasainya, kerana keterampilan (yang bermakna mampu dan cekap) itu merupakan ukurata bagi menyukat kemampuan dan kecekapan seseorang itu berbahasa.

Beberapa teman mengakui bahawa kefasihannya berbahasa Melayu selalu terganggu kerana mereka tidak dapat mengeluarkan fikiran spontan dalam bahasa Melayu. Semenjak di bangku sekolah lagi, mereka telah terbiasa dengan berfikir cara Inggeris. Tiap yang hendak diucapkan dalam bahasa Melayu mesti lebih dahulu diatur/disusun dalam bahasa Inggeris, kemudian diterjemahkan ke bahasa Melayu, barulah diucapkan dalam bahasa Melayu. Hal yang demikian itu menyebabkan mereka lebih suka (lebih mudah) berbahasa Inggeris apabila bercakap dalam mesyuarat-mesyuarat walaupun semua mitra²² mesyuaratnya itu adalah orang-orang Melayu belaka. Kadang-kadang mereka berbahasa Melayu separuh jalan (setakat kemampuannya) kemudian disambung ucapannya dengan bahasa Inggeris.

Sebenarnya, "tragedi" yang demikian itu bukanlah hanya menimpa teman-teman yang jujur mengakuinya sahaja, bahkan ia telah mempengaruhi hampir seluruh pemikiran mereka yang gagal mengimbangi cara berfikirnya : antara berfikir cara Inggeris dengan berfikir cara Melayu. Bagaimanapun, kelemahan atau ketidak-terampilan bahasa demikian itu bukanlah sesuatu yang tidak dapat diperbaiki.

Ada juga orang mengatakan : ketidak-seimbangan itu terjadi kerana pelajaran bahasa Melayu yang diajarkan di sekolah-sekolah kita tidak diimbangi dengan pelajaran kesusasteraannya yang dianggap mereka sebagai wahana yang memuat, mencanang dan menyebarkan unsur-unsur kebudayaan. Kesusasteraan yang dipelajari mereka di sekolah-sekolah kita sekarang ialah Kesusasteraan Inggeris; bukan kesusasteraan Melayu.

²¹ Penulis merupakan Pendeta Bahasa, budaya & kesusasteraan Melayu Singapura serta Presiden Seumur Hidup Asas 50.

²² mitra ialah teman, rakan, partner.

Namun demikian, jauh sebelum zaman pendidikan sistem nasional kita itu pun, Munsyi Abdullah melalui bukunya "Hikayat Abdullah" pernah berkata bahawa *orang Melayu di Singapura bercakap Inggeris "macam air"* (maksudnya: amat fasih) *jika ditanya akan dia dengan cara Melayu maka dijawabnya cara Inggeris*. Selain itu, telah berkata juga Abdullah bahawa *Tuan Raffles yang selalu kelihatan memandang ke tingkap itu, sekali ia mengeluarkan fikirannya, maka fikiran Tuan Raffles itu sepuluh kali lebih baik dari fikiran sepuluh orang besar Melayu duduk berfikir* (maksudnya: bermesyuarat)²³.

Sebenarnya, tiap orang Melayu boleh "fasih berbahasa" Melayu jika mereka sentiasa meningkatkan keterampilan bahasanya dengan:

- memasang niat yang betul, mengukuhkan minat dan berazam hendak berbahasa Melayu dengan fasih;
- sentiasa berusaha menambahkan jumlah kekata (kosa kata) yang dimilikinya, serta memahami dengan betul makna kekata yang digunakan dalam ucapannya – bukan ikut-ikutan sahaja;
- rajin mengikuti perkembangan bahasa dan sastera Melayu serta rajin menyertai kegiatan bahasa yang dianjurkan persatuan-persatuan.
- selalu-selalu menuturkan bahasa itu bila peluang terbuka;
- tahu bahawa bahasa adalah sejenis ilmu yang harus dipelajari dengan yakin; bukan sesuatu yang diwarisi secara tradisi turun-temurun... dan,
- redha menghindarkan rasa malu atau jijik kerana berbahasa Melayu.

Bahasa digunakan orang melalui salah satu daripada dua pendekatan. Pertama; **bahasa itu dituturkan dengan lisan**. Bahasa lisan itu dituturkan berdepan-depan antara sang penutur dengan responden atau mitra bekanya²⁴. Bahasa tuturan ini lebih bersifat pragmatik – bahasa yang terpakai kerana biasa lagi praktikal dan membawa makna budaya yang tidak tertakluk sepenuhnya kepada hukum linguistik. Sesetengah orang mengatakan bahasa tuturan itu "bahasa pasar" yang sah digunakan tanpa tatabahasa. Sebenarnya, bahasa tuturan demikian itu lebih sesuai disebut "bahasa kampung" kerana pada umumnya bahasa itu digunakan orang kampung atau orang awam; berbeda dengan "bahasa sekolah" (bahasa yang diajarkan di sekolah) yang bertatabahasa, misalnya:

- bahasa kampung kata: Mamat **lagi** tidur...
- bahasa sekolah kata: Muhammad **sedang** tidur...

"**Bahasa sekolah**" yang mula diperkenalkan di SITC (Sultan Idris Training College) di Tanjung Malim, Perak, Malaya dan diajarkan di sekolah-sekolah Melayu seluruh Malaya (termasuk Singapura, Labuan dan Brunei) semenjak tahun 1924 itu sekarang (Indonesia dan Malaysia mulai 1967; Singapura mulai 1972) kita sebut **bahasa baku**, yakni bahasa standard atau bahasa yang sekata, yang digunakan orang dalam majlis-majlis rasmi seperti dalam majlis ceramah, majlis taklim dan yang seumpamanya.

Akan "**Bahasa Pasar**" itu terguna di pasar atau dalam pasaran untuk urusan orang berjual beli. Bahasa Melayu telah digunakan pedagang-pedagang Portugis, Belanda dan Inggeris sebagai

*Lingua-franca*²⁵ semenjak pedagang-pedagang (yang kemudiannya menjadi penjajah) itu berurus-niaga dengan penduduk kepulauan Melayu pada abad XVI dahulu. Maka itu bahasa itu disebut "**bahasa pasar**".

Sebahagian daripada tujuan mempelajari *lingua-franca* sambil menatarkan²⁶ keterampilan bahasa pedagang-pedagang bagi urusan pemasaran / perdagangan itu, pada tahun 1522, Antonio Figafetta telah mengumpul dan mendaftarkan 426 kekata Melayu yang dimaknakan dalam bahasa Itali. Daftar kekata Melayu Figafetta itu telah dianggap sebagai Kamus Melayu yang pertama. Pada tahun 1598, Cornelis de Houtman (Belanda) telah pula menyiapkan Kamus Melayu-Belandanya untuk kegunaan pedagang-pedagang Belandanya.

Dalam daftar kekata Figafetta (1522) dan kamus Houtman (1598) terdapat kekata-kekata yang kebanyakannya terguna dalam perniagaan dan keagamaan. Mungkin dalam hal berurusan niaga dengan orang-orang setempat, pedagang-pedagang itu harus juga peka terhadap amalan agama mitra niaganya (penduduk setempat Alam Melayu).

Dalam daftar Figafetta terdapat kekata seperti: *naceran* (nasrani), *isilam* (Islam), *caphre* (kafir), *mischit* (masjid), *catip* (khatib); *talor itich* (telur itik), *kalumanis* (kayu manis), *sabi* (cabai), *amax* (emas), *pirac* (perak), *mutiara* (mutiara), *tumbaga* (tembaga) dan lain-lainnya.

Dalam kamus Houtman pula terdapat kekata seperti: *backeyen* (pakaian), *pynanga* (pinang), *chyny* (tunai), *keli* (beli), *tambagle* (tembaga), *capyer* (kapur), *tsuyka* (cuka), *esteedat* (istiadat), *ober dedijl* (ubat bedil), *tyma* (timah), *quitabota* (kita punya), *petijs* (pitis, wang), *batock* (batok; dahi) dan lain-lainnya. Hingga ke kamus Thomas Bowrey (Inggeris) (1701) baru kita diperlihatkan bagaimana "bahasa pasar" itu dituturkan. Mari kita lihat suatu perbualan yang ditulis Bowrey:

- A: *Adda nea negree bessar satoo ampir Rajaawn Johor, namanea Malacca.*
 B: *Tampat beniaga etoo ca teda?*
 A: *Etoe ea tampat beniaga, ampir negree adda la laboan, ca mana pada moosim eang patoot mendatang kapal Engrees deree negree Kelling, Bangla dan surat.*
 B: *Dagangan appa jenis calooar deree negree enee?*
 A: *Sedekit saja hanya tema pootee; tetapee addat beniaga tampat ini ea batoocar toocar daganggan jenis jenis deree negree negree eang denamaee dauloo, satoo gantee eang lain carna negree enee ampir de tenga negree samoa etoo.*

Jika sudi, bolehlah anda mencuba terjemahkan dialog "bahasa pasar" dengan ejaan Bowrey itu ke dalam **bahasa baku** kita, dengan **ejaan baku** pula.

Bandingkan pula bahasa pasar Bowrey (1701) itu dengan bahasa Melayu paderi Perancis, W.G. Shellabear (1899) yang diajarkannya kepada pedagang-pedagang Inggeris. Perkataan itu dieja menurut kaedah Shellabear.

1. *Hutang sahya dua-puloh ringgit.*
2. *Batu puteh dua, hitam s-blas.*

²³pada zaman itu Abdullah belum mendengar kekata "veto". Sebenarnya, fikiran 10 orang besar Melayu yang bermesyuarat itu di veto Raffles; maka keputusan mesyuarat 10 orang tadi alah oleh veto Raffles..

²⁴beka ialah: bual; berkata-kata

²⁵lingua franca ialah: bahasa perantaraan (perhubungan) antara mereka yang bukan penutur natif.

²⁶menatarkan ialah mempertingkat atau menaikkan taraf.

3. Kasut tiga pasang.
4. Gaji-nya empat-blas ringgit satu bulan.
5. Rumah yang k'empat sblah kanan, itu-lah sahya punya.
6. Kayu kain ini brapa ela?

Kedua; **bahasa itu dituliskan dalam bentuk karangan**. Sama ada karangan itu berbentuk surat yang ditujukan kepada responden individu; ataupun merupakan makalah yang ditujukan kepada pembaca umum, bahasa itu haruslah dituliskan mengikut hukum linguistik – kekata dan istilahnya, tatabahasanya, ejaannya, tanda-tanda bacanya, paragrafnya haruslah ditulis menurut disiplin linguistik – supaya pembaca tidak akan terkeliru menangkap mesej yang hendak disampaikan penulis kepada mereka.

Selaras dengan wacana: *yang cantik ialah budi, yang indah ialah bahasa*, maka bertambah terserlahlah **keterampilan bahasa** sang penulisnya apabila tulisan (surat atau makalah)nya tersulam jalin dengan bahasa yang indah seperti menggunakan *eufemea; peribahasa; karmina; pantun; gurindam; seloka* atau *yang sebagainya, untuk memeriahkan dan menggemarkan responden (penerima surat atau pembaca) membaca tulisannya*. Surat, makalah atau teks ucapan, memanglah ditulis orang dengan menggunakan karangan prosa, tetapi *gurindam melarat* sangat sesuai digunakan bagi mengindahkan bahasa prosa itu, kerana *gurindam melarat* itu berbentuk prosa tetapi berunsur puisi.

Dalam lingkungan keluarga atau adik beradik sendiri di rumah dan dalam keadaan tidak formal bolehlah kita berbeka dengan dialek yang selesa atau dengan tuturan yang biasa dituturkan datuk nenek kita; tetapi apabila bertutur dengan orang dari lingkungan lain – misalnya: lingkungan kejiranan atau kekampungan - bahasa kampung bolehlah digunakan. Dalam masyarakat yang lebih besar, seperti di persatuan-persatuan atau dalam kumpulan orang-orang dari pelbagai lingkungan, maka kenalah kita bertutur dengan bahasa baku yakni bahasa yang sekata (standard) yang digunakan umum berdasarkan “bahasa sekolah”.

Menyebut **bahasa baku**, orang selalu terkeliru dengan *sebutan baku*. *Sebutan baku* hanyalah satu aspek daripada lima aspek bahasa baku. Apabila kita sudah dapat menguasai empat aspek yang lain – kekata, istilah, tatabahasa dan ejaan – maka *sebutan baku* itu adalah pelengkapanya. Apatah lagi *sebutan baku* itu hanya digunakan dalam bahasa lisan atau tuturan.

Penyiar-penyiar di radio dan di televisyen atau guru-guru dan pensyarah yang selalu menyampaikan mesejnya dengan lisannya, terbabit langsung dengan sebutan baku itu. Wartawan-wartawan di media cetak perlu menulis dengan ejaan baku yang betul. Namun demikian, mereka yang bisu dan yang berinteraksi dengan menggunakan bahasa isyarat tidaklah terbabit langsung dengan sebutan baku itu.

Hingga bertemu dalam kesempatan lain, selamat berfikir kemudian memutuskan sama ada kita perlu menjadi manusia yang terampil bahasa atau sebaliknya. Mudah-mudahan kegiatan-kegiatan Bulan Bahasa 2004 dapat membantu kita membuat keputusan yang bijak.

- Rencana Khas

PANTUN : CERMINAN TASAWWUR MASYARAKAT MELAYU

Mohamad Ali Hanifah Bin Abdullah²⁷

*Sirih dilipat sebelum layu
Sebagai mula adat bersantun
Jangan mengaku orang Melayu
Kalau tidak tahu berpantun*

Kalaulah pantun di atas dijadikan kayu ukur, berapa ramaikah di antara kita yang tergolong di dalam kumpulan orang Melayu?

1.0 Pengenalan

Pantun, salah satu puisi tradisional Melayu, seusia orang Melayu. Menurut Za'ba di dalam bukunya **Ilmu Mengarang Melayu**, genre puisi ini adalah milik orang Melayu asli. Beliau mentakrifkan pantun sebagai *'kaedah rangkap yang tertua dan memang asal kepunyaan Melayu. Orang Melayu sudah mengetahui pantun dan telah pandai pula berbalas-balas pantun sesama sendiri sebelum mereka tahu surat menyurat.'* Kalau genre-genre puisi lain, seperti nazam, syair, ruba'i, kit'ah dan lain-lain, mempunyai pengaruh asing, pantun milik bangsa Melayu – tanpa unsur-unsur asing. Perkara ini dipersetujui Yah Ismail. Menurut beliau, *'pantun telah ada dalam masyarakat Melayu dan Indonesia sejak zaman dahulu lagi. Pantun merupakan hak orang Melayu dan tidak diambil daripada bangsa lain.'*

Banyak telah dikaji berhubung dengan pantun ini, baik oleh pengkaji tempatan (orang-orang Melayu) mahupun pengkaji daripada golongan bangsa asing. Semenjak zaman kolonial lagi, orang-orang Inggeris seperti R. O. Winstedt, R. J. Wilkinson dan sarjana-sarjana Belanda seperti Van Hoeffell, Van Opijzen dan Hans Overbeck, telah mengkaji pantun ini dari pelbagai sudut. Tradisi mengkaji pantun ini diteruskan oleh sarjana-sarjana selepas zaman kolonial seperti C. Hooykaas, A. Teeuw, Gabriel Altman, Harun Mat Piah, Muhammad Hj. Salleh, Mohd. Taib Osman dan ramai lagi.

Tulisan ini ingin menonjolkan sedikit sebanyak tentang keterampilan puisi Melayu genre pantun ini di dalam mencerminkan menifestasi kehidupan masyarakat Melayu sejak dahulu lagi. Namun demikian, oleh kerana keterbatasan ruang, tidak semua yang dapat disuguhkan kepada khalayak.

2.0 Keluasan Daerah Pantun

Pantun memang sudah dikenali di daerah dunia Melayu atau Nusantara, termasuk di seluruh kepulauan Indonesia, Semenanjung Tanah Melayu, Sabah, Sarawak, Brunei dan kepulauan selatan Filipina. Di daerah kepulauan Borneo, termasuk Sabah dan Sarawak, pantun terdapat di dalam pelbagai bahasa dan budaya sukuan, termasuk Iban, Dusun, Kadazan dan Murut, selain bahasa

²⁷ Penulis merupakan Tenaga Pengajar Institut Pendidikan Nasional, Kampus Townsville dan calon Phd, Universiti Teknologi Nanyang.

Melayu dalam dialeknya masing-masing. Di Brunei pula, selain bahasa Melayu, pantun juga terdapat di dalam bahasa-bahasa sukuan yang lain seperti Bisaya, Kedayan, Belait, Tutong, Murut dan Dusun.

Namun demikian, hakikatnya, penggunaan pantun melampaui daerah-daerah diaspora Melayu. Selain di Alam Melayu, pantun juga dikenali di Sri Lanka dan Eropah – Perancis dan Czechoslovakia. Menurut Harun Mat Piah (1986), di Sri Lanka pantun terdapat dalam campuran bahasa Melayu, Sinhala dan Tamil. Di sini, pantun dikenali sebagai *phantong*. Di Eropah pula, khususnya di Perancis, pantun dikenali sebagai *pantoum* (Daillie, 1988). Di dalam bahasa Ceko, pantun juga dikenali sebagai *pantoum* (Eva Vanicek, 1994).

Dapatlah dikatakan, kekeramatan genre pantun ini terletak di dalam identitinya yang unik, iaitu dari segi struktur, bentuk dan polarima. Juga keunikan ini dapat dilihat dari ciri-ciri dalamannya, termasuklah penggunaan lambang dan hubungan antara pembayang (sampiran) dan maksud pantun. Kekeramatan inilah yang dijaga dengan begitu baik sekali, meskipun pantun ini diterjemahkan ke dalam bahasa asing, misalnya bahasa Inggeris, Perancis dan Slovak. Memang bukan dikatakan pantun kalau ciri-ciri ini tidak dijaga dengan rapi.

Keakraban pantun dengan masyarakat Melayu sungguh ketara sehingga dapat dikatakan bahawa pantun adalah pernyataan manusia Melayu. Genre ini menyerlahkan pemikiran, emosi, pengalaman, harapan, dan sentimen manusia Melayu ini. Tasawwur masyarakat ini dapat dilihat daripada pantun-pantun yang direka oleh mereka. Francois-Rene Daillie (1988) telah memerikan hubungan manusia Melayu dengan pantun ini dengan menyatakan:

"This brief poem is an epitome of life and a universe in a grain of sand. It carries within itself all the elements of the Malay man's life.... It expresses his customs and tradition, wisdom, beliefs and feelings of all sorts, his love of man, woman and God. It also sounds, very often, like his personal magic mantra, which everyone can use without the help of any established pawang or bomoh.... It belongs to everyone, it is composed of simplest words of everyday use, its syntax itself is rather cryptic sometimes – and its rhythm deeply ingrained in common ordinary speech."

Winstedt pernah menyatakan bahawa tidak lengkap pengetahuan seseorang pengkaji tamadun Melayu jika tidak meneliti dan memahami pantun-pantunnya. (Winstedt, 1969; Daillie, 1988)

3.0 Pantun Sebagai Wahana Komunikasi

Masyarakat Melayu dahulu mengagungkan pantun sebagai alat komunikasi di dalam berbagai acara secara meluas. Namun demikian, pantun tidaklah digunakan secara wewenang kerana sekiranya ini dilakukan, maka keindahan estetikanya akan kurang akibat telah digunakan terlalu kerap. Seperti juga misalnya dengan kain songket yang hanya dipakai semasa upacara-upacara tertentu.

Namun demikian, apabila pantun ini digunakan, maka fungsi sebagai wahana komunikasi amat berkesan kerana si penutur akan dipandang lebih mulia kerana berkebolehan menggunakan pantun

ini. Misalnya, mengungkapkan pantun di dalam majlis merisik atau pertunangan akan menaikkan martabat pemantun dan juga akan lebih memeriahkan lagi serta menambah darjat majlis serta orang yang mengadakan majlis tersebut. Bukan orang sebarangan yang boleh berpantun dengan baik mengikut kesesuaian majlis yang dirai dan bukan calang orang yang mengadakan majlis yang diserikan dengan pantun.

Sebagai wahana komunikasi, pantun digunakan di dalam acara-acara seperti dondang sayang (dengan pantun ini dijual dan dibeli secara spontan), pembuka kata di dalam majlis-majlis rasmi untuk menyerikan lagi majlis tersebut, semasa upacara meminang, merisik dan tahap-tahap lain ke arah membina mahligai rumah tangga yang bahagia. Ketika pantun digunakan di dalam acara-acara ini, kepatuhan 'adab' pantun dari segi cirinya akan dijaga dengan rapi, setidaknya, rima akhir 'a-b-a-b' akan diteliti. Maksud yang ingin disampaikan oleh si penutur juga sedapat-dapatnya akan dilakukan secara berlapis atau berkias, tidak secara terang-terangan. Ini mencerminkan konsep budaya komunikasi masyarakat Melayu lama yang menyerlahkan keindahan, baik yang dalaman mahupun luaran.

Di antara fungsi komunikasi pantun yang dapat kita lihat dengan begitu menyerlah ialah di dalam lapangan percintaan – baik dari tahap awal percintaan tersebut sehinggalah ke jinjang pelamin.

Pasangan yang sedang dilamun cinta akan mengungkapkan perasaan asyik masyuknya dengan begitu berkesan melalui pantun. Keberkesanan ini ditambah lagi dengan keindahan susunan kata yang tepat dan padat, penuh dengan lapisan agar hasrat tersebut tidak diluahkan secara terbuka. Semasa cinta sedang bersemi di antara teruna dan dara, pada masa itulah kepekaan semua deria dapat dirasakan. Oleh hal yang demikian, orang yang sedang bercinta ini akan dapat merasakan keindahan luaran dan dalaman sesuatu itu dengan lebih peka lagi. Mungkin pada tahap cinta sedang bersemi, pantun yang akan diucapkan ialah:

Air serbat di dalam cangkir,
Sampai ke Jawa saya curahkan;
Haram taubat saya tak mungkir,
Badan dan nyawa saya serahkan.

Anak buruk di kayu rendang,
Turun mandi di dalam paya;
Hodoh buruk di mata orang,
Cantik manis di mata saya.

Anak Islam main pedati,
Burung merak hinggap di jati;
Kalau sungguh cinta di hati,
Sampai di kubur saya menanti.

Kepada yang cintanya tidak berbalas, pantun juga memainkan peranan di dalam meluahkan hati yang terluka ini. Perluahan ini disampaikan dengan begitu seni sekali sehingga orang yang mendengar akan turut merasa simpati ke atas tuan punya hati yang remuk ini. Lihatlah pantun-pantun di bawah ini: